



Pahang

PEMANDANGAN sebahagian bandar Kuantan yang dilanda banjir kilat semalam.

Tiga ibu negeri dilanda banjir

- ◆ Aktiviti perniagaan terjejas, beberapa kawasan di Kuantan lumpuh
- ◆ Kampus Universiti Malaysia Kelantan tenggelam
- ◆ Lebih 300 keluarga dipindahkan di Terengganu

KEADAAN banjir di Pantai Timur membabitkan tiga buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang kini semakin buruk apabila jumlah mangsa yang terpaksa dipindahkan ke kawasan selamat di ketiga-tiga negeri itu meningkat kepada seramai 2,921 orang sehingga pukul 9 malam tadi.

Lebih teruk, beberapa kawasan rendah di Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan turut ditenggelami air sehingga menjejaskan kehidupan penduduk dan aktiviti perniagaan.

Di Kota Bharu, kira-kira 2,000 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota tidak dapat meneruskan aktiviti pembelajaran ekoran kawasan kampus dinaiki air sedalam kira-kira satu meter.

Majlis Keselamatan Negeri Terengganu pula melaporkan, kira-kira 300 keluarga terpaksa dipindahkan ke lima pusat pemindahan dengan daerah Setiu mencatatkan jumlah tertinggi.

Aktiviti perniagaan di sekitar bandar Kuantan turut terjejas semalam apabila beberapa jalan utama di ibu negeri Pahang itu ditenggelami banjir kilat sedalam hampir 1.5 meter ekoran hujan lebat.



Kelantan

ORANG ramai terpaksa meredah air apabila sebahagian kawasan di Pengkalen Chepa ditenggelami banjir di Kota Bharu semalam.



TENGKU MAHKOTA PAHANG, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah (kanan) beramah mesra dengan mangsa banjir ketika membuat tinjauan di Sekolah Kebangsaan Galing, Kuantan semalam.



TUAN LUQMAN MUDIM SAIDI bersama abangnya, Syed Jamal Saidi (kiri) menyelamatkan barangan elektrik apabila rumah mereka dinaiki air di Kampung Pak Tuyu, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu semalam.



Kelantan

KAMPUS Universiti Malaysia Kelantan tidak dapat beroperasi berikutan kawasan itu dilanda banjir di Kota Bharu.

KENDERAAN yang diletakkan di kawasan letak kenderaan berhampiran Terminal Darul Makmur ditenggelami air dalam kejadian banjir kilat di Kuantan.



Pahang



Terengganu

JALAN Kuala Terengganu menghala ke Kota Bharu berhampiran Bandar Permaisuri tenggelam berikutan banjir di Setiu.



Pahang

BEBERAPA penduduk membantu menolak sebuah kereta yang tersadai akibat banjir kilat di Jalan Indera Mahkota 8, Kuantan.



Pahang

KAKITANGAN Sekolah Menengah St. Thomas di Kuantan menyelamatkan buku-buku rujukan di dalam perpustakaan selepas kawasan sekolah itu dilanda banjir semalam.



MENTERI Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Tanjong Gelam, Kampung Pak Tuyu, Kuala Terengganu, Terengganu semalam.



SHAIFUDIN MOHD NOR

MAZIAH UDIN bersama anaknya, Rusyai Yusof mengharungi banjir untuk ke pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Alor Lek, Setiu, Terengganu semalam.



AIZZUL A. MAJID

PENGKALAN Chepa merupakan salah sebuah tempat yang dinaiki banjir di Kota Bharu Kelantan.



AZLAN BAHROM

DUA remaja seronok bermain air banjir tanpa menghiraukan keselamatan mereka di Kampung Seberang Marang di Marang, Terengganu semalam.



AIZZUL A. MAJID

KERETA kuda menjadi pengangkutan paling efisien ketika jalan raya dinaiki banjir di Pengkalan Chepa, Kelantan semalam.



BERNAMA

BEBERAPA remaja membantu jiran mereka memindahkan kucing selepas Taman Indera Mahkota Lapan di Kuantan, Pahang dilanda banjir semalam.